



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 25 NOVEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	125 HEKTAR PADI BARU DITANAM MUSNAH, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	PROJEK TERNAKAN UDANG DI TANAH MILIK PKNP TIADA KELULUSAN, NEGERI PERAK/P.PINANG, SINAR HARIAN -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	3 KELANTAN RIVERS AT RECORD ALERT LEVELS, NATION/NEWS, NST -7	
4.	THREE RIVERS IN KELANTAN BREACH ALERT LEVEL AFTER CONTINUOUS RAIN, NATION, THE STAR -3	
5.	MAQIS RAMPAS 3,600 KOTAK SOTONG SEJUK BEKU DARI CHINA, NEGERI PERAK/P.PINANG -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	MAQIS CABAR LAPOR SPRM, NASIONAL, SINAR HARIAN -13	
7.	PESAWAH DI TIGA NEGERI RUGI BESAR, NEGARA, KOSMO -12	LEMBAGA KEMAJUAN PELADANG MUDA (MADA)
8.	BENDANG BERTUKAR 'SUNGAI', DALAM NEGERI, UM -30	
9.	LULUS 4,937 PERMOHONAN PKS PINJAM RM1.033 BILION, NASIONAL, BERITA HARIAN -16	AGROBANK
10.	PESAWAH DI TIGA NEGERI RUGI BESAR, NEGARA, KOSMO -12	LAIN-LAIN
11.	GIGIH JADI NELAYAN TANPA PERGELANGAN TANGAN, DALAM NEGERI, UM -29	
12.	UBAH STIGMA BELA ARNAB, DALAM NEGERI, UM -13	
13.	POTONG SELUAR TARIK PERHATIAN NELAYAN LAIN, NASIONAL, BERITA HARIAN -26	
14.	UBI MUSIM TENGGUJUH, BAH MELANDA, HARIAN METRO -6	
15.	DUA NELAYAN HANYUT DI LAUT BERJAYA DISELAMATKAN, NEGERI JOHOR, SH -26	
16.	AKTIVITI BUANG SISA SAYUR GANGGU KEHIDUPAN PENDUDUK, NEGARA, KOSMO -18	
17.	'JANGAN JADIKAN SUNGAI BELATOP TEMPAT PEMBUANGAN SISA SAYURAN', NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN -28	
18.	DUA NELAYAN HANYUT 15 JAM TENGAH LAUT, NEGARA, KOSMO -16	
19.	PENGUSAHA KEBUN DIKESAN BUANG SISA SAYUR, DALAM NEGERI, UM -31	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

25/11/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

31

# 125 hektar padi baru ditanam musnah

Oleh WAT KAMAL ABAS  
utusannews@mediamulla.com.my

**BAGAN SERAI:** Seluas 125 hektar sawah yang baru ditanam di tujuh lokasi di sini ditenggelami banjir sejak empat hari lalu melibatkan 75 pesawah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan negeri,

Datuk Abdul Yunus Jambari berkata, tujuh lokasi yang terlibat adalah Parit Air Hitam 3, Parit Mat Keling, Parit 1 Padang Lalang, Parit 2 Padang Lalang, Parit 3 Alor Setanggok, Parit 4 Alor Setanggok dan Sungai Kepar.

Menurutnya, padi yang ditenggelami air berumur 15 hingga 50 hari, berpunca dan hujan lebat berterusan sejak 15 November lalu selain melepaskan air lebihan kolam Bukit Merah.

Beliau berkata, selain itu paras air sungai yang tinggi menyebabkan aliran air keluar menjadi perlahan.

"Antara tindakan yang diam-bil ialah Jabatan Pertanian sedang melakukan bancian awal pada setiap lot yang terlibat bagi penyediaan permohonan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi.

"Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran



**FAHMI HUSIN** menunjukkan sawahnya yang ditenggelami banjir di Kampung Parit Mat Keling, Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

(JPS) telah menyediakan pam-pam air bergerak untuk mengurangkan kesan banjir," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, Jabatan Pertanian serta agensi yang berkaitan

akan terus memantau keadaan semasa di kawasan penanaman padi di sini berikutan ramalan hujan dijangka berterusan minggu ini.

Beliau berkata, jika terdapat kawasan tanaman padi lain ter-

tejas akibat banjir, pesawah diminta membuat laporan segera kepada Jabatan Pertanian atau agensi yang berkaitan untuk tindakan susulan.

"Bancian awal serta terperinci telah dibuat dan sekiranya

berlaku kemusnahan tanaman laporan dan permohonan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi akan dibuat kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)," katanya.

25/11/2020

SINAR  
HARIANNEGERI  
PERAK/  
P.PINANG

24

## Projek ternakan udang di tanah milik PKNP tiada kelulusan

IPOH - Jabatan Perikanan Perak tidak pernah meluluskan projek kolam penternakan udang di atas tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) di Bagan Datuk.

Pengarahnya, Zaki Mokri berkata, sehingga kini tiada permohonan diterima untuk menjalankan projek akuakultur di kawasan tersebut.

Beliau berkata, sebarang projek ternakan udang hanya boleh dilaksanakan di kawasan yang telah diwartakan sebagai zon akuakultur oleh kerajaan.

“Setakat ini kawasan tersebut tidak lagi diwartakan sebagai zon akuakultur malah kita tidak menerima sebarang permohonan untuk penternakan udang di situ.”

“Syarat utama kelulusan projek akuakultur untuk kawasan ternakan melebihi 50 hektar perlu mendapatkan Kajian Penilaian Impak alam Sekitar (EIA) terlebih dahulu,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai bantahan penduduk di tiga kampung di Bagan Datuk mengenai projek ternakan

udang yang sedang dilaksanakan di kawasan seluas kira-kira 47 hektar itu.

Sementara itu, Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyuarakan kebimbangan mengenai projek kolam ternakan udang tersebut.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, kebanyakan kolam ternakan udang terutama yang diusahakan secara haram di kawasan pesisir pantai akan merosakkan ekosistem.

Menurutnya, kebiasaannya kolam ternakan dibina di kawasan paya bakau yang diteroka dan pembinaan kolam akan memusnahkan hutan tersebut sekali gus menjejaskan hidupan laut di kawasan berkenaan.



ZAKI

# 3 Kelantan rivers at record alert levels

**KOTA BARU:** The water levels at three rivers in Kelantan have exceeded the "alert" level following continuous rain in several areas since Monday.

According to a report on [infobanjir.water.gov.my](http://infobanjir.water.gov.my), up to 11am yesterday, Sungai Kampung Lembaga in Gua Musang recorded a water level of 84.21m compared with the normal level of 83.7m, Sungai Kuala Krai (20.46m compared with the normal level of 20m), and Sungai Pergau in Air Bol, Jeli (72.27m compared with the normal level of 71.3m).

On Monday, the Malaysian Meteorological Department (Met-Malaysia) issued a weather warning for Kota Baru, Bachok, Pasir Puteh and Kuala Krai districts in Kelantan, Maran, Kuantan and Pekan in Pahang, and the whole of Terengganu.

The Kelantan Fisheries Department had reminded aquaculture operators and fishermen to be on the alert and to monitor changes in weather conditions, including strong winds and rough seas, dur-

ing the monsoon season.

Its director, Nazri Ishak, advised aquaculture operators to ensure their cages were in good condition.

"As for fishermen, they are advised to always be careful when at sea. Ensure their vessels are seaworthy and safety gear, such as life jackets as well as communication and navigational equip-

ment, are functioning properly," he said yesterday.

Kelantan Health Department director Datuk Dr Zaini Hussin said floods could affect the number of Covid-19 cases in the state, especially if a major flood occurred, leading to an increase in the number of evacuees at temporary relief centres.

He said his department, together with other agencies deployed to evacuation centres, had been told to be on standby to face any eventuality.

"We want everyone, evacuees and personnel alike, to always adhere to standard operating procedures (SOP) to curb the spread of Covid-19."

The SOP include ensuring all evacuees and flood relief personnel undergo temperature checks and that all centres are disinfected regularly.

Dr Zaini said up to Monday, nine new Covid-19 cases had been reported in the state, bringing the cumulative total to 288 cases. **Bernama**



*Datuk Dr Zaini Hussin*

## Three rivers in Kelantan breach alert level after continuous rain

**KOTA BARU:** The water levels at three rivers in Kelantan have exceeded the alert level following continuous rain in several areas since Monday.

The three rivers are Sungai Kampung Lembaga in Gua Musang, with a water level of 84.21m compared to the normal level of 83.7m; Sungai Kuala Krai (20.46m compared to the normal level of 20m); and Sungai Pergau in Air Bol, Jeli (72.27m compared to the normal level of 71.3m), said a report on [infobanjir.water.gov.my](http://infobanjir.water.gov.my) as of 11am yesterday.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) on Monday issued a bad weather warning for Kota Baru, Bachok, Pasir Puteh and Kuala Krai districts in Kelantan; Maran in Kuantan and Pekan in Pahang; and the whole of Terengganu lasting until today.

The Kelantan Fisheries Department, meanwhile, has reminded aquaculture operators and fishermen to monitor changes in weather conditions, including strong winds and rough seas, during the current monsoon season.

Its director Nazri Ishak advised aquacul-

ture operators to ensure that their cages were in good condition.

"Fishermen are advised to always be careful when at sea. Ensure that your vessel is seaworthy and that safety gear such as life jackets as well as communication and navigational equipment are functioning properly," he said in a statement.

Kelantan Health Department director Datuk Dr Zairi Hussin said floods could affect the number of Covid-19 cases in the state, especially if a major flood occurred and there

was a spike in the number of evacuees at temporary relief centres.

He said his department and other agencies deployed at the evacuation centres had been told to stand by for such a possibility.

"We want everyone to always adhere to the standard operating procedure so as to curb the spread of Covid-19," he said.

The SOP includes ensuring that all evacuees and flood relief personnel undergo temperature checks and that all centres are disinfected at regular intervals. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	24

## Maqis rampas 3,600 kotak sotong sejuk beku dari China

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 3,600 kotak sotong sejuk beku seberat 72,525 kilogram (kg) bernilai RM28,080 pada jam 4.55 petang kelmarin.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, barangan makanan itu dibawa masuk dari China melalui kontena dan dirampas di pintu masuk Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas tiga kontena tersebut mendapati sotong sejuk beku tersebut tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan daripada Maqis.

“Mengimport sotong sejuk beku tanpa permit import yang sah adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



**Sotong sejuk beku dari China yang dirampas di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara kelmarin.**

# Maqis cabar lapor SPRM

Jika mengesyaki sebarang ketirisan yang dilakukan pegawai dan anggota Maqis

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

## KUALA LUMPUR

Jabatan Perkhidmatan Ku- arantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mencabar mana-mana pihak untuk me- laporkan kepada Suruhanjaya Pe- cegetahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mengesyaki sebarang ketirisan yang dilakukan pegawai dan anggotanya. Ia susulan dakwaan

berlakunya isu penyelu- dupan daging sejuk beku dari negara yang tidak mendapat status halal serta pengesahan kesihatan.

Ketua Pengarah Ma- qis, Saiful Yazan Alwi berkata, beliau meminta individu yang mempun- nyai maklumat untuk tampil kepada Maqis bagi menyalurkan infor- masi berkaitan aktiviti berkenaan.

"Kita hendak tahu perkara sebe- nar. Saya perlukan informasi berke- naan dakwaan kemasukan daging sejuk beku libatkan kar- tel dan sebagainya.

"Ini melibatkan ma- karan halal dan boleh menyebabkan pengguna pamik," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Saiful Yazan berkata, Maqis sememangnya me- ngenakan prosedur opera- si standard (SOP) yang ketat di pintu masuk nega- ra bagi kemasukan barang terutama melibatkan ma- karan seperti daging.

"Pihak kami akan me- mastikan syarat permit dipatuhi syarikat pengim- port termasuklah siji- hal dan siji kesihatan



SAIFUL YAZAN

yang sah. Sekiranya ga- gal, penahanan akan dilakukan.

"Dakwaan ini adalah amat berat. Jadi mereka yang ada maklumat bo- leh hantar sendiri kepa- da saya. Saya cadangkan supaya hantar juga la- poran kepada SPRM untuk tindakan lanjut," katanya.

Saiful Yazan berka- ta, beliau juga sudah menghantar wakil pegawainya bertemu dengan pihak Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk mendapat- kan maklumat lanjut.

Isnin lalu, Sinar Harian melapor- kan mengenai syarikat ejen fret yang menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal mengambil jalan mudah mengimport daging sejuk beku dari negara yang tidak menerima kelulusan sah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Kegiatan yang berlaku sejak be- berapa tahun lalu itu didakwa men- dapat bantuan daripada 'orang da- lam' di pintu masuk negara apabila kebanyakan daging sejuk beku im- port itu dibawa masuk menggunakan dokumen palsu.

Menurut sumber, kebanyakan daging sejuk beku itu diimport dari benua Amerika melalui pelabuhan utama negara.

## REAKSI



- Pekerja swasta, Mazlima Abdul Malik, 36

Isu ini amat sensitif bagi umat Islam. Kecuaian ini perlu diambil serius dengan tindakan lebih tegas. Selain itu, prosedur operasi standard (SOP) pemeriksaan di pelabuhan terutama perlu diperketatkan lagi bagi produk yang diimport dari luar negara."



- Pekerja swasta, Masriah Mohd Mahyadin, 33

Pihak berkuasa bukan sahaja perlu pantau di pelabuhan tetapi jualan-jualan di premis seperti di pasar raya dan pasar awam juga amat penting. Saya sebagai pembeli dan pengguna juga sentiasa mengambil berat dan ambil langkah waspada ketika membeli daging sejuk beku terutamanya."



- Pelega, Mohamad Bakar Abd Majid, 37

Sekiranya benar seperti yang dilaporkan Sinar Harian, tidak harap pihak berkuasa tidak memandang ringan isu tersebut. Tangkap dan cari siapa yang bertanggungjawab terlibat dalam kegiatan itu. Kami tidak mahu isu halal sebegini berlaku setiap hari, setiap tahun. Sebagai negara Islam, isu halal ini perlu diutamakan."



Laporan mengenai aktiviti seludup masuk daging halal yang dibentangkan Sinar Harian Isnin lalu.

Anak dan benih padi yang diusahakan sebulan lalu rosak akibat banjir

## Pesawah di tiga negeri rugi besar

**ALOR SETAR** - Lebih 1,000 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di negeri ini dan Perlis mengalami kerugian apabila tanaman padi seluas 3,600 hektar ditenggelami air kelmarin.

Jumlah kerugian itu dianggarkan kira-kira RM3.6 juta setelah benih padi yang baru ditabur rosak dalam kejadian banjir.

Kawasan yang terlibat ialah Jitra, Pendang, Kota Sarang Semut dan Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Keusahawanan Pertanian dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat negeri, Azman Masruhin berkata, kebanyakan pesawah di kawasan itu menabur benih padi tidak sampai 45 hari.

"Kebanyakan benih padi akan rosak sekiranya ditenggelami air dalam masa beberapa hari dan perlu ditabur dengan benih padi baharu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Penyerahan Watak Pelantikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Dewan Undangan Negeri Suka Menanti bagi sesi 2020-2023 di sini semalam.

Azman memberitahu, jumlah pesawah yang rugi akibat benih padi rosak ditenggelami air dijangka meningkat dalam tempoh beberapa hari lagi.

Ini kerana, keadaan cuaca



ANAK padi yang baru ditanam ditenggelami banjir di Bagan Serai, Perak.



PENDUDUK kampung melintasi kawasan sawah padi yang ditenggelami air di Kampung Alor Setoi, Langgar, Alor Setar semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

masih tidak menentu dan mungkin lebih banyak kawasan sawah akan ditenggelami banjir.

Pesawah yang mengalami kerugian diminta membuat laporan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada berdekatan untuk banciaan pampasan.

### Jumlah mangsa banjir

Negeri/Daerah	Mangsa
<b>Kedah</b>	
• Kubang Pasu	62
• Alor Setar	12
<b>Perak</b>	
• Bagan Serai	276
• Lumut	30
• Teluk Intan	72
<b>Selangor</b>	
• Kuala Selangor	90
• Sepang	17
<b>Melaka</b>	
• Jasin	192
• Alor Gajah	13
• Melaka Tengah	30
<b>Terengganu</b>	
• Kuala Terengganu	28
• Kuala Nerus	122
• Dungun	43
• Setiu	57
• Marang	2
<b>Kelantan</b>	
• Kuala Krai	6
<b>Jumlah keseluruhan:</b>	<b>1,025</b>

\* Statistik setinggi pukul 6 petang semalam

sawah yang terlibat bagi penyediaan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi," katanya.

Di Bagan Serai, Perak pula, anak padi yang baru ditanam di sawah seluas 125 hektar di tujuh tempat di daerah ini rosak selepas ditenggelami banjir sejak lima hari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perdagangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari berkata, ia melibatkan 75 pesawah dari Parit Hitam 3, Parit Mat Keling, Parit 1 Padang Lalang, Parit 2 Padang Lalang, Parit 3 Alor Setangkok, Parit 4 Alor Setangkok dan Sungai Kepai.

Padi yang berusia 15 hingga 50 hari itu ditenggelami air disebabkan hujan lebat sejak 15 November lalu selain pelepasan air lebihan kolam Bukit Merah.

"Jabatan Pertanian sedang membuat banciaan di setiap lot



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



**PENDUDUK** kampung melintasi kawasan sawah padi yang ditenggelami air akibat hujan lebat di Kampung Alor Setoi, Langgar semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

## Bendang bertukar 'sungai'

**\*ALOR SETAI:** Lebih 1,000 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini dan Perlis mengalami kerugian RM3.6 juta setelah sawah seluas 3,600 hektar yang diusahakan ditenggelami banjir sejak kelmarin.

Mereka mengeluh panjang kerana benih padi yang baru ditabur dalam sawah rosak.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan,

Keusahawanan Pertanian dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat negeri, Azman Nasrudin berkata, kebanyakan usia benih padi yang ditabur tidak sampai tempoh 45 hari.

Menurutnya, benih padi akan mengalami kerosakan sekiranya ditenggelami air dalam tempoh beberapa hari dan perlu ditabur dengan benih padi yang baharu.

"Antara kawasan yang terlibat ialah Jitra, Pendang, Kota

Sarang Semut dan Perlis," katanya ketika ditemui selepas majlis Penyerahan Wafiah Pelantikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Suka Menanti bagi sesi 2020-2023 di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 11 JPKK baharu menerima wafiah pelantikan tersebut.

Azman memberitahu, jumlah pesawah yang mengalami kerugian akibat benih padi ro-

sak ditenggelami banjir jangka meningkat dalam tempoh beberapa hari ini.

"Ini kerana keadaan cuaca masih tidak menentu dan mungkin lebih banyak kawasan sawah akan ditenggelami banjir," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, pesawah yang mengalami kerugian dalam kejadian banjir itu boleh membuat laporan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA berdekatan untuk banciaan pampasan.

# Lulus 4,937 permohonan PKS pinjam RM1.033 bilion

Langkah sokong  
perniagaan  
bawah pakej  
Pembiayaan  
PKS PENJANA

**Kuala Lumpur:** Kerajaan meluluskan 4,937 permohonan perusahan kecil dan sederhana (PKS) dengan nilai pinjaman RM1.033 bilion untuk menyokong perniagaan di bawah Pembiayaan PKS PENJANA setakat 13 November lalu.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, berkata kerajaan juga menerima 478 permohonan PKS di bawah Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA atau Pelan Jana Semula Ekonomi Negara.

Katanya, pakej itu menawarkan kadar pembiayaan sebanyak 3.5 peratus bagi membantu usahawan sektor pelancongan dari segi modal kerja dan perbelanjaan modal sehingga tujuh tahun bagi tempoh pembiayaan.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 208 permohonan sudah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM41.8 juta," katanya dalam laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-30 mengenai pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PENJANA yang dikeluarkan semalam.

Bagi Skim Pemulihan Per-



*Kelulusan pinjaman di bawah Pembiayaan PKS-PENJANA beri ruang usahawan PKS terus berdaya saing di tengah-tengah penularan COVID-19.*  
(Foto BERNAMA)

niagaan TEKUN (TBRS) untuk PKS mikro, Tengku Zafrul berkata, sejumlah RM86.7 juta disalurkan dan memberi manfaat kepada 113,042 usahawan terabit setakat 13 November lalu.

Selain itu katanya, bagi tempoh sama, sebanyak RM197.7 juta turut disalurkan kepada 5,570 PKS mikro merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan menerusi Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).

Katanya, bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dan makanan, kerajaan menyalurkan sebanyak RM45.2 juta suntikan modal pusingan kepada seramai

4,953 PKS mikro pertanian di bawah Skim Pembiayaan Mikro Kredit Agrobank.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan juga melanjutkan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan oleh pengendali premis penginapan mulai 1 September lalu hingga 30 Jun 2021 bagi memastikan sektor pelancongan dan perhotelan dapat bertahan serta pulih.

"Setakat 13 November 2020, nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah RM727.4 juta.

"Inisiatif lain bagi menyokong sektor itu adalah pelepasan cukai pendapatan indi-

vidu sehingga RM1,000 ke atas bagi perbelanjaan melancong serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya yang berakHIR pada 31 Jun, 2021," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata, nilai pengecualian duti eksport sehingga 100 peratus ke atas industri berasaskan minyak sawit yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara sehingga 13 November lalu adalah berjumlah RM301.1 juta.

Merujuk Program Subsidi Upah (PSU), beliau berkata sebanyak RM148.22 juta dibelanjakan setakat 13 November lalu bagi membantu 30,492 majikan terus beroperasi serta mengekalkan khidmat seramai 247,035 pekerja.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Gigih jadi nelayan tanpa pergelangan tangan

Oleh **AMRAN MULUP**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Hilang pergelangan tangan kanan akibat tersepit dalam mesin silinder membuat plastik gula tidak menghalang Rizal Hashim menjadi nelayan sepenuh masa bagi menanggung isteri dan tiga anaknya.

Dalam kejadian yang berlaku 19 tahun lalu, anak jati Pantai Puteri yang bekerja di sebuah kilang di Tanjong Kling, tidak menyangka kejadian itu menyebabkan pergelangan tangannya hancur.

Menurut Rizal, 49, akibat kecederaan parah doktor yang merawat mengambil keputusan untuk memotong pergelangan tangan kanannya.

“Ketika itu saya tidak terbayang hendak melalui hidup dengan kecacatan akibat pergelangan tangan kanan sudah dipotong apa lagi kerja yang mampu saya buat untuk menyara isteri dan anak-anak.

“Akhirnya saya reda dengan kecacatan ini. Walaupun saya rasa kesal dengan insiden yang terjadi tetapi demi anak-anak, saya sanggup harungi apa sahaja,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di pangkalan nelayan Pantai Puteri, di sini semalam.

Ujar Rizal, selepas tiga bulan bercuti akhirnya dia mengambil keputusan untuk menjadi nelayan sepenuh masa memandangkan dia tidak boleh bekerja di tempat kerja lamanya.

“Sukar juga pada mulanya apabila mula-mula belajar menjadi nelayan terutama sewaktu mengangkat dan menarik jaring dalam keadaan saya hanya ada tangan kiri sahaja tetapi saya tidak pernah putus asa.

“Agak lama untuk saya membiasakan situasi kecacatan yang ada hingga membolehkan saya menjadi nelayan. Saya banyak didorong oleh rakan-rakan ne-



**RIZAL Hashim gigih mengeluarkan ikan dari jaring walaupun tanpa pergelangan tangan kanan di Pantai Puteri, Tanjong Kling, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP**

layan di Pantai Puteri yang tidak kisah memberi dorongan dan bantuan hingga saya sudah boleh berdikari,” ujarnya.

Walaupun dia menerima pen-cen ilat RM600 sebulan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) tetapi itu belum mencukupi menanggung isteri yang tidak bekerja apatah lagi menghidap penyakit kencing manis dan darah tinggi selain menyara tiga anak berusia antara lima hingga 20 tahun.

Katanya, walaupun pendapatan menjadi nelayan tidak menentu namun dia berbangga dengan kecacatannya itu yang tidak menghalang daripada dia mencari sumber rezeki halal.

“Meskipun cacat, saya tidak pernah menyesal. Ini sudah suratan takdir namun saya tetap gembira walaupun rezeki menjadi nelayan tidak selalu bertuah tetapi anak dan isteri saya dapat hidup tanpa perlu mengemis meminta simpati orang,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13



MUHAMMAD Fadhil Mohamad menunjukkan arnab perap bersama sos segera jenama Bambam Forzen dalam paket plastik di Paya Keladi, Kepala Batas, Pulau Pinang. - UTUSAN/ AMIR IRSYAD OMAR

## Ubah stigma bela arnab

Oleh ISWAN SHAFIQ ISÁ  
 utusannews@mediamula.com.my

**KEPALA BATAS:** Pemuda ini pernah menunggang motosikal sejauh lebih 200 kilometer (km) hingga ke Kelantan seorang diri semata-mata untuk mendalami ilmu berkaitan ternakan arnab lebih setahun yang lalu.

Selain Kelantan, Muhammad Fadhil Mohamad, 28, juga pernah mengikuti kursus berkaitan ternakan yang sama di Selangor serta 'berguru' dengan beberapa penternak berjaya yang lain.

Yakin industri penternakan arnab mampu memberikan pendapatan lumayan, bekas pekerja kilang itu kemudian memberanikan diri terjun ke dalam bidang berkenaan.

"Saya bermula dengan membela 10 ekor arnab baka New Zealand White selepas menyiapkan kandang di belakang rumah menggunakan modal sendiri berjumlah hampir RM10,000 pertengahan Februari lalu.

"Alhamdulillah, arnab yang saya bela kini semakin membiak dan jumlahnya kini sekitar 200 ekor dalam masa beberapa bulan sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagi mengoptimumkan perniagaan ternakan arnabnya, Muhammad Fadhil turut menghasilkan arnab perap sejuk beku bersama sos segera yang dijual di bawah jenama Bambam Frozen.

Katanya, arnab perap seberat 500 gram sepaket itu

dijual pada harga RM30 dan dipasarkan di sekitar Pulau Pinang dan selatan Kedah dengan bantuan 11 ejen jualan.

"Secara purata, saya mampu menghasilkan kira-kira 50 paket arnab perap sehari bergantung kepada permintaan semasa.

"Paling tinggi, saya berjaya menjual sehingga 30 paket dalam masa tiga hari selain sudah mempunyai beberapa pelanggan tetap," katanya yang turut menyebelih sendiri arnab-arnabnya selain menggaji pekerja sambilan jika menerima permintaan yang tinggi daripada pelanggan.

Muhammad Fadhil berkata, meskipun hanya sempat beroperasi selama sebulan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan Mac lalu, dia tidak berhadapan masalah besar meneruskan perniagaan itu kecuali mengalami kesukaran mendapatkan bekalan dedak.

"Impian saya ketika ini ialah untuk membesarkan kawasan ternakan ini selain memperkenalkan produk baharu iaitu sate arnab sejuk beku dalam plastik yang telah divakum.

"Kalau boleh, saya juga mahu menghapuskan stigma dalam kalangan masyarakat kita yang menganggap daging arnab sejenis makanan yang mahal dan sukar untuk didapati sebelum ini," katanya yang boleh dihubungi menerusi talian 013-5366653 untuk keterangan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	26

# Potong seluar tarik perhatian nelayan lain

Tindakan nekad selepas perahu dinaiki Johari, Khairul hanyut ke tengah laut

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Ayer Keroh:** Seorang nelayan terpaksa memotong sebahagian seluar dipakai sebelum membarkannya, dalam usaha menarik perhatian nelayan lain datang menyelamatkannya daripada terus hanyut.

Tindakan nekad itu diambil nelayan, Johari Jalil, 42, selepas perahu dinaikinya hanyut dibawa arus ke tengah laut apabila enjin sangkut tiba-tiba rosak ketika mahu pulang menjelang waktu Maghrib, kelmarin.

Mengimbas detik cemas itu, Johari berkata, dia bersama rakan-nya, Khairul Azmin Mohd Adnan, 36, ke laut menerusi jeti nelayan pangkalan Leban, Sungai Rambai di sini, kira-kira jam 3 petang, untuk mengutip kupang.

Bagaimanapun, katanya, enjin sangkut yang digunakan tiba-tiba rosak menyebabkan mereka bun-

tu dan terpaksa membiarkan perahu dihanyutkan arus sehingga ke tengah laut.

"Kami lakukan macam-macam cara bagaimana untuk menyelamatkan diri, namun tidak berjaya sehingga terpaksa menyalakan api dengan membakar cebisan seluar yang dipakai untuk menarik perhatian nelayan lain atau pasukan penyelamat.

"Nak gunakan lampu suluh memang tiada, jadi terpaksa saya ikhtiar untuk menyalakan api pada cebisan kain seluar yang dipakai.

"Kami tersadai di tengah laut kira-kira 15 jam hingga ditemui nelayan lain jam 9.30 pagi tadi (semalam), sebelum menghubungi bantuan pihak keselamatan dan penyelamat," katanya ketika ditemui di jeti nelayan itu, semalam.

Khairul Azmin berkata, insiden seumpama itu pernah berlaku ke atas mereka yang kerap



Johari (kanan) dan Khairul Azmin ditemui selamat selepas perahu mengalami kerosakan enjin ketika mencari kupang di Jeti Sungai Rambai, Jasin, Melaka, kelmarin.  
(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

turun ke laut bersama, namun peristiwa kali ini adalah paling 'menakutkan' apabila terpaksa terapung di tengah laut selama 15 jam.

"Selain bimbang hujan dan ribut, hati kami ini semakin risau apabila telefon bimbit kami berdua kehabisan bateri, menyebabkan kami tidak ada pilihan melainkan menunggu hari cerah," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai

Bomba dan Penyelamat Merlimau, Mohd Faisal Fuad, berkata seramai sembilan anggotanya bersama beberapa agensi penyelamat lain digerakkan untuk mencari kedua-dua mangsa.

"Mereka ditemui selamat dan tidak mengalami apa-apa kecederaan kira-kira enam kilometer dari kawasan darat dan dibawa balik ke jeti oleh anggota pasukan bomba sambil dibantu nelayan tempatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	HARIAN METRO	BAH MELANDA	6

### Ubi musim tengkujuh



**PENIAGA**, Norma Razali, 39, menunjukkan ubi kayu yang dijual di gerainya di Kampung Cherang Meliling, Besut, semalam. Permintaan meningkat menjelang musim tengkujuh kerana penduduk gemar makan ubi kayu ketika berada di rumah apabila hujan lebat. Dia hanya berniaga pelbagai jenis ubi pada musim tengkujuh dan memperolehi bekalan daripada penduduk setempat selain pemborong. Bagaimanapun, harga pasaran bagi pelbagai jenis ubi itu agak tinggi pada musim tengkujuh berbanding pada hari biasa. - Foto Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2020	HARIAN METRO	NEGERI JOHOR	26

## Dua nelayan hanyut di laut berjaya diselamatkan

**MUAR** - Dua nelayan tempatan terselamat selepas bot fiber dinaiki untuk menangkap ikan hanyut akibat kehabisan minyak di perairan berhampiran Jeti Parit Karang di sini semalam.

Mangsa, Johari Jalil, 40-an, dan Khairul Azmi Mohd Adnan, 37, ditemukan dalam keadaan selamat di dalam bot yang dijumpai pada kedudukan 16.2 batu nautika dari jeti berkenaan pada jam 8.30 pagi.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangkak, Penolong Penguasa Bomba Rafiah Aziz berkata, penemuan bot nelayan itu dimaklumkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Batu Pahat.

"Seterusnya bot tersebut telah ditunda oleh sebuah bot nelayan ke Jeti Sungai Rambai, Melaka.



Anggota bomba membantu dua nelayan yang diselamatkan selepas bot dinaiki mereka hanyut di perairan berhampiran Jeti Parit Karang, Muar semalam.

Pihak bomba kemudian membuat pemantauan dan mengambil maklumat di lokasi.

"Operasi mencari dan menyelamat (SAR) itu disertai sembilan anggota dengan sebuah jentera *Light Fire Rescue Team* (LFRT) dan satu Unit Bantuan Perkhid-

matan Kecemasan (EMRS)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, operasi SAR turut melibatkan sebuah utiliti *Rapid Rescue Vehicle* (RRV) dan operasi tamat sepenuhnya pada jam 10.08 pagi.

# Aktiviti buang sisa sayur ganggu kehidupan penduduk



MOHD. SYAHBUDDIN menunjukkan timbunan sisa sayuran yang dibuang oleh pekebun di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang.

**GUA MUSANG** – Tindakan pengusaha kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing di sini yang diper-cayai membuang sisa sayur ke sungai telah memberi kesan ke-pada kehidupan Orang Asli.

Ahli Dewan Undangan Ne-geri (ADUN) Galas, Mohd. Syah-buddin Hashim berkata, selain mencemarkan air sungai, sisa sayur itu juga berbau busuk se-hingga menimbulkan rasa kurang senang kepada penduduk Orang Asli yang tinggal di kampung ber-hampiran.

Katanya, masih terdapat pen-gusaha sayur yang berdegil dan tidak menghiraukan teguran pihak berkuasa dan masyarakat Orang Asli tempatan.

"Kita melihat keadaan men-

jadi lebih teruk sejak kebelakan-gan ini hingga berlaku timbunan sisa sayur yang dibuang sehingga mencemarkan Sungai Belatop.

"Saya mendapat banyak aduan daripada penduduk Orang Asli mengenai keadaan itu di ka-wasan berkenaan," katanya.

Mohd. Syahbuddin berkata, meskipun air Sungai Belatop bukan lagi menjadi keperluan harian bagi penduduk kaum itu, namun kebersihan sungai harus dijaga.

Katanya, sungai bukan tem-pat sesuai untuk membuang sisa sayuran.

"Pengusaha kebun sayuran harus lebih bertanggungjawab dan menjaga alam sekitar.

"Kita berharap Jabatan Alam

Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran menyasat perkara itu supaya masalah itu tidak berterusan," katanya.

Sementara itu, seorang pen-duduk Orang Asli, Jaafar Harun, 47, berkata, penduduk Orang Asli percaya Sungai Belatop mengala-mi pencemaran yang agak teruk kerana mereka sukar untuk me-nangkap ikan di sungai ketika ini.

Katanya, sungai Belatop men-jadi lubuk rezeki bagi penduduk untuk menangkap ikan seperti kelah sejak lebih 30 tahun lalu.

"Ketika ini, penduduk tidak lagi menggunakan air sungai itu sebagai keperluan harian ter-masuk mandi dan membasuh pakaian kerana kualiti air yang kotor," katanya.



## 'Jangan jadikan Sungai Belatop tempat pembuangan sisa sayuran'

**GUA MUSANG** - Ratusan pengusaha kebun sayur di Tanah Tinggi, Lojing diingatkan jangan menjadikan Sungai Belatop sebagai tempat pembuangan sisa sayuran yang boleh menambahkan pencemaran sungai terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim berkata, pihaknya memandangkan serius perkara itu kerana pencemaran tersebut telah menimbulkan masalah kepada penduduk orang asli di situ.

"Saya meninjau sendiri lokasi pem-

buangan sisa sayuran. Saya terkejut dan perlu ada tindakan susulan daripada jabatan berkaitan bagi mengatasi masalah ini supaya tidak bertambah buruk," katanya selepas meninjau kawasan tempat pembuangan sisa sayur oleh pengusaha kebun sayur di Pos Brooke di sini semalam.

Beliau berkata, perbuatan pekebun sayur itu menambahkan lagi pencemaran sungai tersebut yang sudah sekian lama keruh dan berselut.

Katanya, sebelum ini orang asli di

situ telah membuat aduan berhubung pencemaran Sungai Belatop selepas pekebun sayur mengusahakan tanaman mereka di kawasan berbukit menyebabkan berlakunya hakisan tanah dan ia mengalir ke sungai terbabit sejak lebih 15 tahun lalu.

"Walaupun penduduk di kawasan ini mempunyai kemudahan air tadahan bukit yang lebih bersih, namun ada kalanya digunakan juga air sungai itu jika berlaku kerosakan tadahan air bukit," katanya. - *Bernama*

## Dua nelayan hanyut 15 jam tengah laut

**JASIN** - Aktiviti mencari kupang dua sahabat nelayan berakhir tragedi apabila mereka tersadai selama 15 jam di tengah laut ekoran bot dinaiki mengalami kerosakan enjin di perairan Sebatu, Sungai Rambai di sini semalam.

Mangsa, Johari Jalil, 42, dan Azmi Mohd. Adnan, 37, ditemui dalam keadaan lesu oleh nelayan lain sebelum dibawa ke darat oleh sepasukan bomba kira-kira pukul 9.30 pagi.

Menurut Johari, mereka keluar menangkap kupang sejak pukul 3 petang semalam dan merancang untuk pulang semula ke jeti tiga jam kemudian.

"Ketika dalam perjalanan pulang kira-kira pukul 6 petang, enjin bot tiba-tiba rosak menyebabkan kami dihanyutkan

semula jauh ke tengah laut.

"Apabila hari sudah gelap, angin menjadi sangat kuat dan kami hanya mampu berserah kepada Allah agar dilindungi, malah saya juga memotong seluar untuk dibakar bagi menarik perhatian orang awam," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Sungai Rambai, di sini semalam.

Mengulas lanjut, dia memberitahu mereka juga tidak membawa bekalan makanan kerana bercadang hanya keluar untuk tiga jam.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Merlimau, Penolong Penguasa Bomba Mohd. Faisal Fuad berkata, kedua-dua mangsa ditemui dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.



**JOHARI (kiri) dan Azmi diselamatkan sepasukan bomba selepas hanyut 15 jam di perairan Sebatu, Sungai Rambai semalam.**

25/11/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

31

# Pengusaha kebun dikesan buang sisa sayur



MOHD. SYAHBUDDIN HASHIM (KIRI) MENINJAU AIR SUNGAI BELATOP YANG TERCEMAR DI KAWASAN TANAH TINGGI LOJING. GUA MUSANG. KELANTAN. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG:** Tindakan pengusaha kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing di sini yang bertidak membuang sisa sayur ke dalam sungai memberi kesan kepada kehidupan Orang Asli yang tinggal di kawasan berhampiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berkata, selain mencemarkan air sungai, sisa sayur itu juga berbau busuk sehingga menimbulkan rasa tidak senang kepada penduduk Orang Asli di situ.

Katanya, masih terdapat pengusaha sayur berdegil serta tidak menghiraukan teguran pihak berkuasa dan masyarakat Orang Asli tempatan.

"Kita melihat keadaan menjadi lebih teruk sejak kebelakangan ini hingga berlaku pembunuhan sisa sayur yang dibuang mencemarkan Sungai Belatop."

"Saya terpaksa bergas ke lokasi pembuangan sisa sayur itu apabila menerima banyak aduan daripada penduduk

Orang Asli berhubung perkara itu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Syahbuddin berkata, walaupun air Sungai Belatop tidak lagi menjadi keperluan harian bagi penduduk kaum itu, namun kebersihan sungai harus dijaga.

"Sungai bukan tempat sesuai untuk membuang sisa sayuran. Pengusaha kebun sayuran harus bersikap lebih bertanggungjawab dan menjaga alam sekitar. "Kita berharap Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran menyiasat perkara itu supaya masalah itu tidak berterusan," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Orang Asli, Jaafar Harun, 47, berkata, penduduk Orang Asli percaya Sungai Belatop mengalami pencemaran serius kerana mereka sukar mendapat ikan sungai ketika ini.

Katanya, sejak lebih 30 tahun lalu, sungai Belatop menjadi lubuk rezeki bagi penduduk untuk menangkap ikan seperti kelah.